

22 APR 1997

Mahathir-Pembangunan

RAKYAT PERLU BERUBAH SEIRING DENGAN KEPESATAN PEMBANGUNAN

PULAU PINANG, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat seharusnya mengubah cara hidup mereka seiring dengan kepesatan pembangunan negara supaya ia dapat dinikmati dengan lebih baik lagi.

Beliau berkata, pembangunan negara tidak bermakna jika rakyat masih mengamalkan cara hidup lama dan tidak tahu menyesuaikan diri dengan segala kemudahan yang dibina.

Katanya, pembangunan negara yang pesat menyaksikan banyak bangunan tinggi dan bertingkat dibina termasuk tempat kediaman dan penduduk di sekitar kawasan berkenaan tidak boleh lagi hidup di takuk lama.

Ketika berucap pada majlis perasmian Lebu Raya Bayan Lepas di sini, beliau berkata, kehidupan di pangsapuri atau rumah pangsa sudah tentu jauh berbeza dengan kehidupan di rumah yang dibina di atas tanah dan penduduknya tidak boleh memelihara sebarang binatang ternakan atau menjemur kain sesuka hati mereka sehingga menimbulkan pemandangan yang tidak menyenangkan.

Katanya, mereka yang tinggal di bangunan tinggi sedemikian perlu mempunyai tahap disiplin yang tinggi dan tahu menghargai kemudahan awam yang disediakan untuk mereka seperti lif.

"Kebanyakan penghuni terlalu kasar dan menekan butang lif banyak kali sehingga ia rosak atau menekan kedua-dua penunjuk arah sama ada ke atas atau ke bawah secara serentak, sehingga lif pun keliru," katanya, disambut deraiian ketawa hadirin.

Mahathir juga meminta pemaju bangunan seumpama itu supaya menyediakan beberapa kemudahan bagi mengatasi "pemandangan buruk itu." Antara kemudahan itu ialah kotak mengeringkan pakaian untuk unit-unit rumah berkenaan, pemasangan alat pendingin hawa yang lebih tersusun serta sebuah antena televisyen yang boleh digunakan semua penghuni di seluruh bangunan itu.

Beliau berkata, tidak salahnya bagi rakyat membelanjakan wang yang lebih untuk mendapatkan keselesaan dan menjadikan kehidupan mereka lebih selesa dan bermakna.

Dr Mahathir turut mengingatkan rakyat mengenai tanggungjawab menjaga kebersihan dan keindahan alam sekitar supaya tempat yang mereka diami nampak kemas dan taraf hidup juga meningkat.

Peningkatan taraf hidup tidak bermakna seseorang itu perlu mempunyai gaji yang tinggi tetapi cara bagaimana dia membelanjakan wangnya untuk mendapatkan keselesaan dan kebahagiaan, katanya.

Beliau juga menegur rakyat dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya tidak menyalahkan orang lain dan kerajaan mengenai keadaan hidup hari ini sebaliknya menyoal diri sendiri mengenai peranan yang boleh dimainkan untuk keselesaan sendiri.

"Sebagai pemimpin, kita kena tegur mengenai keadaan ini kerana kita tidak mahu menjadi negara maju tetapi keadaan hidup dan amalan serta sikap masih tidak bergerak seiring dengan kemajuan itu," katanya.

Dr Mahathir juga menegur sikap sesetengah rakyat yang masih sanggup makan di gerai-gerai yang kotor dan dihurungi lalat serta pengusaha makanan yang tidak menyediakan makanan yang bersih.

Secara bergurau beliau berkata: "Dalam kepesatan pembangunan negeri, penjual nasi kandar perlu tukar imej mereka daripada menyinseng kain dan kaut nasi pakai tangan kepada penyediaan makanan yang lebih bersih, ada restoran, ada tudung meja, pelayannya memakai pakaian yang bersih serta menutup kepala."

"Kita perlu tunjukkan kepada dunia bahawa kita bukan sahaja mempunyai harta malahan mempunyai erti juga dan kita mahu orang membuat kita bangga, bukannya menghinakan kita," katanya.

Beliau berkata beliau amat kagum dengan kepesatan pembangunan Pulau Pinang dan meminta rakyat negeri ini bekerjasama membangunkan negeri ini agar menjadi negeri termaju di Malaysia serta menjadi contoh kepada negeri-negeri lain.

Beliau juga mengingatkan kerajaan negeri supaya mengambil kira faktor pemuliharaan alam sekitar ketika melaksanakan projek pembangunan agar suasana kehijauan dapat dikekalkan.

Selepas merasmikan Lebuhraya Bayan Lepas sejauh 9.2 km itu, Perdana Menteri serta Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalannya, Datuk Mohd Shariff Omar menyaksikan upacara penandatanganan perjanjian penswastan projek pembinaan Lebuhraya Jelutong antara kerajaan negeri dan syarikat pemaju, Jelutong Development Sdn Bhd (JDSB), anak syarikat IJM Corporation Berhad.

Kerajaan negeri diwakili Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri dan Timbalannya, Cik Siti Balkish Shariff manakala JDSB diwakili Pengarah Urusan Kumpulan IJM, Encik Krishnan Tan Boon Seng dan Datuk Anuar Osman, Pengarah JSDB.

Pembinaan lebuhraya sejauh 4.7 km itu, yang dijangka siap dalam tempoh tiga tahun, bernilai RM300 juta dan kos itu meliputi pembayaran pampasan kepada penduduk di kawasan terbabit serta pengambilan semula tanah untuk tujuan itu.

Pada majlis itu juga Krishnan menyerahkan cek bernilai RM1.3 juta kepada Dr Koh sebagai sebahagian ganjaran projek itu kepada kerajaan negeri, yang bernilai RM\$24.1 juta.

Dr Mahathir kemudian melawat tapak pembinaan sebuah pusat peranganin, Bayan Bay Marina & Resort bernilai RM1.2 bilion yang dimajukan oleh Eternal Resources Sdn Bhd, usahasama antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Anson Perdana Bhd.

Menurut Pengerusi syarikat itu Datuk Tengku Idaura Tengku Ibrahim, kerja pembinaan projek itu bermula tahun lepas dan dijangka siap pada tahun 2000 untuk menjadi mercu tanda industri pelancongan di negeri ini.

Katanya, projek seluas 32 hektar di atas tanah yang ditebus guna di kawasan pesisir pantai Bayan Baru itu akan menawarkan kemudahan tiga buah hotel bertaraf lima dan empat bintang, pangsapuri mewah, pusat beli-belah, taman tema, kelab marina dan perahu layar serta ruang pejabat.

Yang turut mengiringi Dr Mahathir pada lawatan selama 45 minit itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar. -- BERNAMA

AA NMO